

051 PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH MELALUI KURSUS MATA PELAJARAN I'ADAH HIFZ AL-QURAN PROGRAM SARJANA MUDA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT KUIS.

Rohana Zakaria, Hayati Hussin, Muhammad Fairuz A. Adi, Mohd Nur Adzam Rasdi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

rohana@kuis.edu.my, hayati@kuis.edu.my, fairuz@kuis.edu.my, nuradzam@usim.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk membincang dan menilai sejauh manakah elemen-elemen Kemahiran Insaniah telah diserapkan di dalam kursus mata pelajaran I'adah Hifz Al-Quran yang diwajibkan kepada para pelajar Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat di KUIS. Ia merupakan salah satu objektif pencapaian pelajar dalam melahirkan seorang huffaz yang seimbang dan holistik untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai penjana sumber manusia atau modal insan yang bukan sahaja menghafal al-Quran dan berpengetahuan, tetapi memiliki semua ciri insan kamil. Bagi mencapai hasrat ini , pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik , menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran , kematangan berfikir, perkembangan sahsiah, daya kepimpinan, budaya intelektual, keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Sehubungan itu, beberapa cadangan dan penambah baikan serta kesediaan pelajar untuk mengaplikasikan semua elemen kemahiran Insaniah ini boleh menjadikan mereka lebih marketable dan meningkatkan keyakinan diri dalam menempuh alam pekerjaan serta menjadi aset negara paling berharga.

PENDAHULUAN

Sebagai sebuah negara yang membangun, Malaysia adalah salah sebuah negara yang menghadapi cabaran yang besar dalam menghadapi persaingan pada abad ke 21 ini. Namun Malaysia tetap kekal utuh dan berdaya saing untuk menjadi sebuah negara maju di mata dunia. Sejajar dengan perkembangan dunia semasa, pelajar tahfiz perlu dilengkapkan dengan pelbagai kemahiran yang dapat membantu mereka menjadi individu yang unggul dan berketerampilan pada masa hadapan. Aspek kemahiran ini perlu diketengahkan kepada

semua peringkat umur khususnya pelajar di peringkat pengajian tinggi bagi melengkapkan mereka sebagai insan yang berilmu dalam pelbagai aspek kehidupan. Justeru itu semua institusi pengajian tinggi di Malaysia kini menawarkan pelbagai kursus teras dan elektif kepada pelajarnya agar dapat mengimbangi keperluan akademik yang meliputi segala aspek ilmu pengetahuan dan kemahiran di luar akademik seperti kemahiran pengurusan maklumat dan keusahawanan.

Usaha menerapkan kemahiran insaniah (KI) dalam diri pelajar di Institut Pengajian tinggi merupakan suatu pendekatan melengkapkan pelajar dengan penguasaan akademik dan kemahiran generik, yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kelahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi dan pembelajaran yang berterusan(*modul pembangunan Kemahiran Insaniah (soft skill) untuk institusi Pengajian Tinggi Malaysia, 2006*) . Penguasaan Kemahiran ini adalah penting bagi menjamin graduan tahfiz yang menyeluruh dan sepadu bagi menghadapi kehidupan global dan yang penuh dengan cabaran.

ELEMEN KEMAHIRAN INSANIAH

Sebagaimana yang terkandung dalam Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*soft skill*) untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia (2006), Terdapat tujuh elemen kemahiran insaniah yang telah dipilih untuk dilaksanakan di IPT iaitu kemahiran berkomunikasi , pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan. Kesemua kemahiran ini merupakan kemahiran generik dan perlu dilaksanakan oleh pihak yang terlibat terutamanya tenaga pengajar.

KEMAHIRAN INSANIAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Elemen KI ini banyak disentuh dan dibincangkan dalam al-quran dan hadith. Malah, Islam menganjurkan satu bentuk penguasaan kemahiran yang kukuh dan mantap yang berteraskan kepada aqidah tauhid . Penghayatan dan pelaksanaan atau amalannya pula merupakan suatu ibadah, iaitu rasa kepatuhan dan tunduk kepada Allah S.W.T megikut hukum dan peraturan syariat islam. Pembangunan insan secara seimbang dan menyeluruh yang mengambil kira faktor jasmani dan rohani merupakan agenda utama dalam islam bagi

memperoleh kebahagiaan hidup bukan sahaja di dunia malah di akhirat kelak. Justeru itu , manusia sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T dikehendaki melaksanakan peranan masing-masing bagi mencapai kemajuan di dunia , dan yang utama mendapat keredhaan Allah.

Jika diimbas kembali pencapaian dan kejayaan cemerlang tokoh-tokoh ilmuan islam dahulu, ia memperlihatkan penghayatan dan amalan ilmu mereka yang jelas bersifat sepadu dan menyeluruh serta disertai dengan keimanan yang mantap. Mereka sekali-kali tidak mengabaikan tanggungjawab dan peranan sebagai hamba dan khalifah Allah yang menuntut manusia agar berjaya di dunia dan di akhirat.

Dalam konteks Institut Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi telah menggariskan tujuh elemen kemahiran insaniah yang diwajibkan untuk dikuasai oleh pelajar khususnya bakal graduan. Tujuh kemahiran tersebut adalah seperti berikut :

(1) Kemahiran Berkomunikasi

Kemahiran berkomunikasi iaitu merujuk kepada komunikasi yang berkesan dalam bahasa melayu dan bahasa inggeris yang kategorikan kepada 8 tahap yang berikut:

Tahap 1 : Kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis.

Tahap 2 : Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan membeberi maklum balas.

Tahap 3 : Kebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.

Tahap 4 : Kebolehan menggunakan teknologi dalam pembentangan.

Tahap 5 : Kebolehan berunding dan mencapai persetujuan.

Tahap 6 : Kebolehan berkomunikasi dengan peserta komunikasi yang mempunyai budaya yang berlainan.

Tahap 7 : Kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi perseorangan.

Tahap 8 : Kemahiran menggunakan kemahiran bukan lisan.

(2) Pemikiran Kritis dan Kemahiran menyelesaikan Masalah

Kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah iaitu melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis, serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan yang merangkumi 7 tahap berikut :

Tahap 1 : Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian yang berjustifikasi.

Tahap 2 : Kebolehan mengembang dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan.

Tahap 3 : Kebolehan mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif.

Tahap 4 : Kebolehan berfikir melangkaui batas.

Tahap 5 : Kebolehan membuat keputusan yang berdasarkan bukti yang kukuh.

Tahap 6 : Kebolehan untuk bertahan serta memberikan perhatian sepenuhnya terhadap tanggungjawab yang diberikan.

Tahap 7 : Kebolehan memahami dan menyesuaikan diri kepada budaya komuniti dan persekitaran kerja yang baru.

(3) Kemahiran Kerja Berpasukan

Kemahiran kerja berpasukan iaitu merujuk kepada kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya bagi mencapai matlamat yang sama dan ianya meliputi 5 tahap berikut :

Tahap 1 : Kebolehan membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama.

Tahap 2 : Kebolehan memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan.

Tahap 3 : Kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.

Tahap 4 : Kebolehan memberi sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan.

Tahap 5 : Bertanggungjawab terhadap keputusan kumpulan.

(4) Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat

Pembelajaran berterusan iaitu merujuk kepada usaha untuk belajar berdikari dalam pemerolehan kemahiran dan pengetahuan baru dan ini dilihat dalam 3 tahap iaitu:

Tahap 1 : Kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber.

Tahap 2 : Kebolehan menerima idea baharu dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi.

Tahap 3 : Kebolehan mengembang minda ingin tahu dan dahagakan ilmu.

(5) Kemahiran Keusahawanan

Kemahiran keusahawanan iaitu yang melibatkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan yang mana dikategorikan kepada 4 tahap iaitu :

Tahap 1 : Kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan

Tahap 2 : Kebolehan merangka perancangan perniagaan.

Tahap 3 : Kebolehan membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan.

Tahap 4 : Kebolehan untuk bekerja sendiri.

(6) Etika dan Moral profesional

Etika dan moral profesional yang merujuk kepada kebolehan untuk mengamalkan standard moral yang tinggi dalam amalan profesional dan interaksi sosial dan ini dapat dilihat dalam 3 tahap iaitu :

Tahap 1 : Kebolehan memahami kesan ekonomi, alam sekitar dan sosiobudaya dalam amalan profesional.

Tahap 2 : Kebolehan menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan etika.

Tahap 3 : Kebolehan mengamal sikap beretika , di samping mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat.

(7) Kemahiran Kepimpinan

Kemahiran kepimpinan melibatkan keupayaan untuk mengamalkan ciri kepimpinan dalam pelbagai aktiviti yang dapat dilihat dalam 4 tahap iaitu:

Tahap 1 : Pengetahuan tentang teori asas kepimpinan.

Tahap 2 : Kebolehan untuk memimpin projek

Tahap 3 : Kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan.

Tahap 4 : Kebolehan untuk menyelia anggota pasukan.

KEMAHIRAN INSANIAH DAN PENERAPANNYA MELALUI KURSUS I'ADAH HIFZ AL-QURAN PROGRAM SARJANA MUDA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT KUIS

Program Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat ditawarkan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor bagi melahirkan insan muslim yang berkeperibadian sepadu dan seimbang, serta berilmu pengetahuan yang mendalam khususnya dalam bidang pengajian Al- Quran dan Al-Qiraat. Usaha ini adalah selaras dengan tuntutan kemajuan zaman era pemodenan dan globalisasi iaitu usaha untuk membentuk generasi berilmu profesional, berketrampilan dalam bidang Al- Quran dan Al-Qiraat serta celik teknologi maklumat bagi menghadapi situasi masa depan yang semakin mencabar.

Program Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat ini diwujudkan bertujuan untuk melahirkan graduan yang dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara dalam bidang Al-Quran dan Al-Qiraat yang berketrampilan dalam meneruskan kepimpinan golongan

ilmuan yang dinamik dan mampu secara berkesan mengimbangi pembangunan material dengan pembangunan kerohanian. Di samping memberi ruang dan peluang untuk meneruskan pencapaian akademik ke peringkat yang lebih tinggi dan memantapkan kemahiran dan penguasaan dalam bidang Al-Quran dan Al-Qiraat. Ini kerana masyarakat amat memerlukan kewujudan lebih banyak institusi pendidikan tinggi yang mampu melahirkan generasi islam yang lebih terkehadapan dari segi amalan nilai-nilai murni dan akhlak mulia, lebih bermotivasi, gigih, tekun, rajin, amanah dan cemerlang dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Melalui program ini diharap dapat melahirkan generasi yang dihasratkan itu serta melahirkan generasi pelajar yang dapat membaca dan menghafaz al-Quran dengan sempurna, berkemahiran dalam bidang qiraat serta ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya, peka terhadap perkembangan isu-isu semasa serta mampu berfikir dan bertindak dengannya hasil daripada penerapan kemahiran insaniah melaui kursus-kursus yang ditawarkan.

Kursus matapelajaran I'adah Hifz al-Quran adalah antara komponen mata pelajaran teras major bagi Program Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat. bermula dari semester pertama sehingga semester ke lapan sepermulaan berikut :

Semester	Teras Major	Komponen mata pelajaran teras major	kredit
1	BIHT 1112	I'adah Hifz al-Quran I	2
2	BIHT 2112	I'adah Hifz al-Quran II	2
3	BIHT 3112	I'adah Hifz al-Quran III	2
4	BIHT 4112	I'adah Hifz al-Quran IV	2
5	BIHT 5112	I'adah Hifz al-Quran V	2
6	BIHT 6112	I'adah Hifz al-Quran VI	2
7	BIHT 7112	I'adah Hifz al-Quran VII	2
8	BIHT 8112	I'adah Hifz al-Quran VIII	2

Mata pelajaran I'adah Hifz al-Quran ini akan memantapkan pelajar kepada hafazan al-Quran berdasarkan sukatan yang telah ditetapkan. Di samping membimbing pelajar kepada metode pengulangan hafazan al-Quran yang bersistematis. Kursus ini secara keseluruhannya mendedahkan pelajar kepada aspek-aspek berikut:

- a) Kaedah talaqqi dan musyafahah serta teknik-teknik menghafaz al-quran dengan cara berkesan, disamping mempelajari ilmu tajwid dan mengamalkannya serta kewajipan memeliharanya.
- b) Mampu menulis ayat-ayat al-Quran yang dihafal dengan tepat.
- c) Mengingati hafazan al-Quran dengan kaedah yang lebih konsisten.
- d) Menguasai hafazan al-Quran berdasarkan sukanan yang telah ditetapkan

Menyedari hakikat pentingnya kemahiran insaniah dalam program Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, maka aspek ini amat wajar diterapkan dalam yang ditawarkan. Bagi mengaplikasikan kemahiran insaniah dalam kursus-kursus teras yang ditawarkan, penekanan telah diberikan kepada lima elemen berikut iaitu nilai-nilai positif (*positive values*), kerja berpasukan (*Teamwork*), Pemikiran Kritis , Kemahiran Komunikasi (*communication skill*) dan kepimpinan (*Leadership*).

Elemen pertama iaitu nilai-nilai positif dinilai sepanjang kursus dan ini dilihat dari aspek kehadiran pelajar dalam kelas,ketepatan masa, kepatuhan pelajar mengikuti arahan serta peraturan yang telah ditetapkan , disiplin pelajar dalam kelas dan juga tatatertib pelajar dari segi penampilan diri.Kehadiran pelajar dalam kelas dipantau pada setiap kali kelas diadakan dan jika terdapat pelajar yang tidak hadir kelas sebanyak dua kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah serta tanpa surat sokongan atau pun sijil sakit, pelajar akan dipanggil dan diminta memberikan penjelasan. Pelajar tersebut akan dipanggil dan diberi nasihat agar mengubah sikap dan cuba menangani masalah jika ada. Ini bertujuan bagi menyedarkan pelajar berkenaan menyedari kesilapan yang dilakukan dan berusaha membaiki kesilapan tersebut.

Elemen kedua adalah pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Kaedah ini menerapkan nilai kemahiran berfikir pelajar dalam membezakan antara ayat – ayat mutasyabihat dan muhkamat bagi memastikan al-Quran yang telah dihafal tidak berlaku kekeliruan dan pertukaran ayat. Manakala dalam menyelesaikan masalah pula ia melibatkan kebolehan pelajar berfikir secara kritis, kreatif, inovatif dan analitis dalam mengaplikasikan pelbagai metode bagi memastikan hafalan benar-benar lekat dipemikirannya. Dengan ini pelajar dapat memelihara hafalan al-Quran secara sistematik dan berdisiplin, serta istiqamah dalam pengulangan al-quran setiap hari.

Elemen ketiga yang merupakan kerja berpasukan, adalah merupakan kaedah untuk menerapkan nilai kerjasama dan interaksi dalam pasukan di kalangan pelajar terbabit. Penilaian ini dilakukan di mana pelajar dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil yang terdiri daripada tiga atau empat ahli bagi setiap kumpulan, dan setiap ahli kumpulan akan mengulang dan menyambung bacaan al-Quran secara bergilir-gilir dan mengikut tertib surah dan ayat, sebagaimana dalam mushaf. Di samping menyemak bacaan agar selamat daripada kesalahan tajwid dan sebagainya. Kaedah ini diambil bagi membolehkan pelajar sentiasa lebih peka dan fokus dalam kelas dan membuat persediaan yang sepaututnya . Dengan itu kaedah ini dapat membina jati diri dan keyakinan diri pelajar.

Elemen keempat ialah kemahiran komunikasi yang merupakan aspek penting yang perlu diberi penekanan sewajarnya. Seseorang yang mempunyai bahasa yang baik dan terdidik akan berupaya menyampaikan maklumat atau bertutur dengan orang lain secara baik. Bagi melahirkan pelajar yang cemerlang perlu ada persefahaman antara pelajar dan guru atau pensyarah. Penilaian ini dilakukan agar pelajar mampu dan mahir dalam menyebut huruf dengan betul (makhraj huruf). Dengan ini pelajar mampu membaca dan mengulang al-Quran dengan lancar dan meningkatkan keupayaan pelajar untuk mengenalpasti hukum-hukum tajwid di dalam ayat al-Quran serta meningkatkan penguasaan pelajar membaca al-quran dengan hukum tajwid yang betul dan tepat.

Elemen kelima iaitu aspek kepimpinan, penekanan diberi kepada sifat-sifat seperti amanah, jujur, cekap, bersemangat, sabar, rendah diri, sanggup berbincang dan bersedia memikul tanggungjawab dan kebolehan menyelia anggota pasukan .Ini boleh dinilai menerusi latihan menjadi imam solat lima fardhu atupun solat sunah terawih di bulan Ramadhan atau menjadi khatib ketika solat Jumaat. Dengan ini akan dapat melahirkan pelajar dengan sifat-sifat kepimpinan cemerlang yang berkarisma & berketrampilan.

Penerapan kelima-lima elemen kemahiran insaniah tersebut ke dalam kursus matapelajaran i'adah hifz al-Quran Program Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat adalah merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan penerapan kemahiran insaniah melalui aktiviti pendidikan berpusatkan pelajar. Pembangunan kemahiran insaniah dengan kaedah terapan ini didapati mampu memberikan dorongan kepada pelajar untuk terlibat dengan pembelajaran aktif dalam bilik kelas.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa kursus matapelajaran i'adah hifz al-Quran yang ditawarkan untuk Program sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Al-qiraat mampu menjadi landasan kepada penerapan nilai-nilai kemahiran insaniah dan menyiapkan diri sebagai pelajar tahfiz yang bukan sekadar pelajar cemerlang dari segi akademik, malah juga cemerlang dari sudut akhlak dan emosi, serta mampu untuk bersaing dengan dunia luar. Selain itu, kemahiran insaniah yang didapati setelah melalui proses pengajaran dan pembelajaran jelas menunjukkan pelajar tahfiz dapat membentuk seterusnya meningkatkan kemahiran insaniah berbanding menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional. Walaubagaimanapun , pelajar tahfiz juga perlu diberi pendedahan dan pemahaman sewajarnya kepada keperluan kemahiran insaniah atau “*soft skill*” ini agar objektif yang ingin dicapai dapat mencapai matlamatnya.

RUJUKAN

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006).*Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (soft skill) untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia.*

Mohammad Shatar Sabran, Samir Muhazzab, Paramasivam Muthusamy, Aidy Ali, Zulhamri Abdullah dan Azali Mohamed. *7 Kemahiran Insaniah Pelajar Huraian dan Pengukuran.* ZH PUBLISHING Kuala Lumpur 2009.

Dr Asmawati Suhid & Prof Dr Abdul Rahman Md Aroff dan Abd Wahid Jais (2008). Kemahiran Insaniah Dalam Islam: Satu perspektif Umum. *Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah Dan Kesejahteraan Sosial 2008*

Nurul Izzah Sidek (2009). Perkasa Kemahiran Insaniah . Kuala Lumpur *Utusan Malaysia.*

Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur 1993. *Kamus Dewan Edisi Baru .*

Rohana Zakaria
Pensyarah Jabatan Tahfiz
Fakulti Akademi Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Bandar Seri Putra,Bangi
Selangor.

Hayati Hussin
Pensyarah Jabatan Tahfiz
Fakulti Akademi Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Bandar Seri Putra,Bangi
Selangor.

Muhammad Fairuz A. Adi
Pensyarah Jabatan Tahfiz
Fakulti Akademi Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Bandar Seri Putra,Bangi
Selangor.

Mohd Nur Adzam Rasdi
Pensyarah Fakulti Al-Quran dan Al-Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Nilai N.Sembilan